



**JABATAN PERDANA MENTERI  
LEMBAGA PENASIHAT**

---

**GARIS PANDUAN ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT  
JABATAN PERDANA MENTERI**

---

| <b>BIL</b> | <b>KANDUNGAN</b>                                                                                | <b>MUKA<br/>SURAT</b> |
|------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| <b>1.</b>  | <b>TUJUAN</b>                                                                                   | <b>3</b>              |
| <b>2.</b>  | <b>LATAR BELAKANG</b>                                                                           | <b>3</b>              |
| <b>3.</b>  | <b>FUNGSI DAN PERANAN LEMBAGA PENASIHAT DI<br/>BAWAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN</b>                | <b>3</b>              |
| <b>4.</b>  | <b>PUNCA KUASA PELANTIKAN DAN BAYARAN<br/>ELAUN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA LEMBAGA<br/>PENASIHAT</b> | <b>4</b>              |
| <b>5.</b>  | <b>TUGAS SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT</b>                                                  | <b>5</b>              |
| <b>6.</b>  | <b>TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA<br/>PENASIHAT</b>                                      | <b>6</b>              |
| <b>7.</b>  | <b>GARIS PANDUAN ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT<br/>SEBELUM DAN SEMASA PERSIDANGAN</b>               | <b>7</b>              |
| <b>8.</b>  | <b>KADAR BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN</b>                                                        | <b>8</b>              |
| <b>9.</b>  | <b>TARIKH KUATKUASA</b>                                                                         | <b>9</b>              |

## 1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan tugas, peraturan-peraturan dan kadar bayaran serta kemudahan sebagai Anggota Lembaga Penasihat (ALP), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

## 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Lembaga Penasihat ditubuhkan mengikut peruntukan Perkara 151 Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1960 selaras dengan penguatkuasaan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Sebelum itu, Lembaga Penasihat dikenali sebagai “**Committee Review**” yang ditubuhkan menurut Ordinan Darurat 1948 dan *Emergency Regulation* 1948.

Pengerusi Lembaga Penasihat dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari kalangan mereka yang menjadi atau pernah menjadi atau yang layak menjadi, Hakim Mahkamah Persekutuan atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi. Pelantikan Anggota Lembaga Penasihat juga dibuat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kelayakan tidak ditetapkan dalam perlembagaan.

## 3. FUNGSI DAN PERANAN LEMBAGA PENASIHAT DI BAWAH UNDANG-UNDANG BERKAITAN

- 3.1 Lembaga Penasihat berperanan mengendalikan kes-kes tahanan pencegahan yang dibuat di bawah undang-undang menurut Perkara 149 dan Perkara 150 Perlembagaan Persekutuan. Tiga undang-undang yang berkaitan adalah seperti berikut:-
  - Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [ADB – LLPK] (Akta 316)
  - Akta Pencegahan Jenayah 1959 [POCA] (Akta 297)
  - Akta Pencegahan Keganasan 2015 [POTA] (Akta 769)

3.2 Dengan peruntukan ini Lembaga Penasihat adalah bebas berfungsi dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Keadaan ini dikuatkan lagi apabila dalam menjalankan tugasnya, Lembaga Penasihat perlu merujuk serta menggunakan kaedah-kaedah berikut:-

- Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987.
- Peraturan–Peraturan Pencegahan Jenayah (Tatacara Lembaga Penasihat) 2014.
- Peraturan-Peraturan Pencegahan Keganasan (Tatacara Lembaga Penasihat) 2015.

3.3 Persidangan Lembaga Penasihat adalah bertujuan untuk memberikan hak kepada Orang Tahanan untuk mengemukakan representasi di hadapan Lembaga Penasihat di atas penahanannya oleh Menteri Dalam Negeri. Peranan utama Lembaga Penasihat adalah menimbangkan representasi tersebut dan seterusnya membuat syor mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa tiga bulan dari tarikh penerimaan representasi berkenaan atau dalam suatu tempoh yang lebih lama seperti yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

3.4 Peranan kedua Lembaga Penasihat adalah membuat kajian semula bagi kes-kes tahanan dan kes-kes sekatan di bawah ADB – LLPK dan seterusnya mengemukakan pendapatnya melalui laporan bertulis kepada Menteri Dalam Negeri, sama ada perintah tahanan atau perintah sekatan itu diteruskan atau dihentikan.

#### **4. PUNCA KUASA PELANTIKAN DAN BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT**

4.1 Perkara 151(2) Perlembagaan Persekutuan menetapkan Lembaga Penasihat terdiri daripada **seorang Pengerusi** dan **dua (2) orang anggota** yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Kriteria

kelayakannya bagi pelantikan ALP tidak ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, secara pentadbirannya, syarat-syarat dan kriteria pelantikan ALP adalah seperti berikut:

- i. Pesara kerajaan gred 14 hingga JUSA C dari pelbagai skim perkhidmatan. Senarai pesara adalah berdasarkan data pesara yang dibekalkan oleh Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA);
- ii. Berumur tidak melebihi 66 tahun pada lantikan kali pertama;
- iii. Lulus temuduga;
- iii. Disyorkan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan Penilaian Semula Anggota Lembaga Penasihat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengerusi Lembaga Penasihat; dan
- iv. Tempoh pelantikan adalah selama dua (tahun)

4.2 Penetapan kadar bayaran elaun dan Kemudahan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP 7.3 - Bayaran Elaun Dan Kemudahan kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan

## **5. TUGAS SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT**

- i. Menghadiri persidangan Lembaga Penasihat sebagaimana tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
- ii. Mendengar dan mempertimbangkan representasi atau rayuan Orang Tahanan / Orang Sekatan;
- iii. Mengemukakan pendapat sewajarnya mengenai representasi atau rayuan Orang Tahanan / Orang Sekatan kepada Pengerusi Lembaga Penasihat; dan
- iv. Mengambil peranan aktif di dalam persidangan sebagai Anggota Lembaga Penasihat

## **6. TANGGUNGJAWAB SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT**

- i. Semasa menjalankan tugas (bersidang), semua ALP adalah disifatkan sebagai seorang penjawat awam dan tertakluk kepada pelbagai peruntukan undang-undang, pekeliling dan arahan mengenai penjawat awam.
- ii. Melaksanakan tugas dengan jujur, amanah adil dan bertanggungjawab.
- iii. Memelihara Integriti diri.
- iv. Tidak boleh menggunakan pelantikan sebagai ALP untuk membuat dan mempengaruhi sesuatu keputusan untuk kepentingan diri seperti memperolehi tender kerajaan, mendapatkan jawatan dalam syarikat, pertubuhan, parti politik dan sebagainya.
- v. Tidak mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan persidangan kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) termasuk ahli keluarga.
- vi. Panggilan untuk persidangan adalah berdasarkan kepada penggiliran dan penempatan secara pentadbiran.
- vii. Jika dipanggil menjalankan tugas, Lembaga Penasihat akan menghantar notis untuk memberitahu tarikh, masa dan tempat persidangan berlangsung.
- viii. Sekiranya tidak dapat menghadiri persidangan tersebut, ALP hendaklah memaklumkan kepada Setiausaha Lembaga Penasihat dan mengemukakan sebab serta justifikasi ketidakhadiran sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum persidangan.
- ix. Prestasi kerja serta tingkah laku sebagai ALP akan sentiasa dipantau. Sebarang pelanggaran peraturan, etika dan disiplin akan menyebabkan seseorang ALP digantung perkhidmatan atau ditamatkan kontrak dan tanpa menjejaskan apa-apa tindakan undang-undang yang mungkin timbul berkaitan dengannya.
- x. Tidak dibenarkan untuk membawa ahli keluarga/rakan dsb semasa menghadiri persidangan di PPA/PPK/ Tempat Tahanan Khas atau menghadiri Mesyuarat /Bengkel/ taklimat di Pejabat Lembaga Penasihat.
- xi. Dilarang memuatnaik, berkongsi maklumat, pautan, gambar, video atau apa jua unsur Persidangan/Taklimat di media sosial seperti Facebook,

Instagram, WhatsApp dan lain-lain.

- xii. Kad Pekerja atau kad nama tidak akan dibekalkan atas faktor keselamatan dan dilarang untuk mencetak kad pekerja atau kad nama sendiri.

## 7. GARIS PANDUAN ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT SEBELUM DAN SEMASA PERSIDANGAN

### i. Berpakaian kemas:

- |        |                                                                                                                                                                                                   |
|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Lelaki | <ul style="list-style-type: none"><li>• Berpakaian pejabat</li><li>• Memakai tali leher</li><li>• Memakai kot berwarna hitam / gelap</li><li>• Kasut formal / <i>court shoes</i></li></ul>        |
| Wanita | <ul style="list-style-type: none"><li>• Baju kurung atau pakaian pejabat yang sesuai dan sopan</li><li>• Memakai kot berwarna hitam / gelap</li><li>• Kasut formal / <i>court shoes</i></li></ul> |

- ii. Berada di Pusat Pemulihan Akhlak/ Pusat Pemulihan Khas/ Tempat Tahanan Khas selewat-lewatnya **setengah jam** sebelum masa bersidang yang ditetapkan.
- iii. Telefon bimbit dimatikan atau berada dalam mod senyap semasa bersidang.
- iv. Menandatangani borang kehadiran, waktu masuk dan keluar.
- v. Hendaklah menjaga tatakelakuan dalam bilik persidangan.
- vi. ALP tidak akan dibekalkan salinan fail kes untuk kes representasi.
- vii. ALP dibekalkan Laporan Temuduga oleh Polis Diraja Malaysia dan Laporan Akhlak oleh Pusat Pemulihan Akhlak untuk kes kajian semula.
- viii. ALP tidak dibenarkan bertanya soalan kepada Orang Tahanan / Orang Sekatan sebelum Pengerusi selesai menyoal tahanan dan soalan ALP tertakluk kepada kelulusan Pengerusi.
- ix. Soalan-soalan hendaklah berkaitan representasi OT sahaja dan tidak menyentuh isu politik, perkauman, agama, gender dan sebagainya.
- x. Prosiding Lembaga Penasihat dibantu oleh Pegawai Pengendali dan

jurubahasa dari KDN dan PDRM.

- xi. Semua persoalan di hadapan Lembaga hendaklah diputuskan mengikut undi lebih suara. Jika keputusan berbelah-bagi disebabkan mana-mana ALP tidak mahu mengundi, maka keputusan yang dibuat oleh Pengerusi hendaklah terpakai
- xii. ALP boleh memohon kebenaran Pengerusi untuk ke bilik air ketika persidangan berlangsung.
- xiii. ALP dilarang sama sekali beramah mesra dengan peguam, saksi mahupun orang tahanan.
- xiv. ALP tidak dibenarkan meninggalkan PPA/PPK/Tempat Tahanan Khas sebelum Pengerusi beredar kecuali dengan kebenaran Pengerusi.
- xv. Merokok tidak dibenarkan dalam premis kerajaan
- xvi. ALP tertakluk kepada peraturan-peraturan dan pemeriksaan oleh pihak PPA/PPK/Tempat Tahanan Khas sewaktu masuk ke kawasan berkenaan, ketika berada dalam kawasan berkenaan dan juga apabila keluar daripada kawasan berkenaan.
- xvii. Setiausaha/Penolong Setiausaha bertindak sebagai urusetia yang memudahkan kelancaran prosiding Lembaga Penasihat. ALP hendaklah sentiasa memberi kerjasama kepada mereka berkaitan prosiding.
- xviii. Sarapan pagi dan makan tengahari disediakan di premis PPA/PPK/Tempat Tahanan Khas dengan peruntukan yang disalurkan oleh Lembaga Penasihat. ALP tidak dibenarkan memberi arahan tidak sewajarnya kepada pegawai-pegawai PPA/PPK/Tempat Tahanan Khas berkaitan. Apa-apa aduan hendaklah disalurkan kepada SU/PSU yang bertugas.

## **8. KADAR BAYARAN ELAUN DAN KEMUDAHAN**

Kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perbendaharaan W. P 7.3 - Bayaran Elaun Dan Kemudahan Kepada Ahli Sektor Swasta Yang Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Yang Ditubuhkan Oleh Kementerian/Jabatan seperti berikut:



| ELAUN                                                                                              | KADAR ELAUN                                  |         |                                |         |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|---------|--------------------------------|---------|
|                                                                                                    | SEMENANJUNG MALAYSIA                         |         | SABAH DAN SARAWAK              |         |
| Elaun Persidangan                                                                                  | RM300.00 sehari                              |         |                                |         |
| Bayaran Sewa Hotel atau Elaun Lojing                                                               | Hotel                                        | Lojing  | Hotel                          | Lojing  |
|                                                                                                    | Kadar Sebenar (Bilik Standard)               | RM70.00 | Kadar Sebenar (Bilik Standard) | RM75.00 |
| Elaun Makan<br><i>(bertugas luar pejabat melebihi 24 jam atau lebih)</i>                           | RM85.00                                      |         | RM115.00                       |         |
| Elaun Harian<br><i>(bertugas luar pejabat melebihi 8 jam sehari tetapi kurang daripada 24 jam)</i> | Separuh daripada kelayakan Elaun Makan       |         |                                |         |
| Tiket Penerbangan (Pergi dan Balik)                                                                | Kelas Ekonomi melalui Tuntutan Bayaran Balik |         |                                |         |
| Elaun Perjalanan Bagi Tuntutan Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri                       | RM0.70 per kilometer                         |         |                                |         |

## 9. TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan serta arahan semasa yang berkuat kuasa.

Lembaga Penasihat  
Jabatan Perdana Menteri  
14 Mac 2025